



**KENYATAAN AKHBAR**  
**MAJLIS MEMBACA SURAH YASSIN, TAHLIL DAN DOA KESYUKURAN**  
**SEMPENA SAMBUTAN HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN**  
**KALI KE-11 TAHUN 2021 (HPPPN 2021)**

---

Hari Isnin, 25 Rabiulawal 1443H/ 1 November 2021M  
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan Majlis Membaca Surah Yassin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Kali Ke-11 pada 1 November 2021 secara maya. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yassin, Tahlil dan seterusnya Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohd Amin bin Haji Salim, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Acara diteruskan dengan Ucapan Khas sempena sambutan HPPPN oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir di acara berkenaan ialah beberapa orang Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara yang bergiat dalam industri di bawah sektor pertanian; Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai, kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, dan para peladang dan pengusaha di bawah sektor pertanian dan perikanan.

Mengambil kira situasi semasa Covid-19, program sempena Sambutan HPPPN Kali -11 pada tahun ini diisikan dengan acara seminar secara maya. Antara tema-tema yang akan dikongsikan semasa sesi seminar tersebut ialah **Pertanian Dalam Kehidupan; Penglibatan Belia Dalam Bidang Pertanian; Peluang-Peluang Perniagaan Dan Pembiayaan Kewangan Dalam Bidang Pertanian; Transformasi Ke Arah Teknologi Dan Teknik Moden Pertanian;** dan akhir sekali **Peluang-Peluang Sektor Pertanian Di Masa Hadapan.** Untuk keterangan dan maklumat lanjut, sila layari laman sesawang [www.agriculture.gov.bn](http://www.agriculture.gov.bn) atau mengikuti dari media sosial Instagram Jabatan Pertanian dan Agrimakanan @agrifood.gov.bn.

Acara sambutan HPPPN merupakan satu sambutan khas diadakan pada setiap 1 November khusus bagi mengiktiraf sumbangan pengusaha-pengusaha pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan dalam membangun ekonomi Negara. HPPPN juga dihasrat untuk memberi semangat dan motivasi kepada para pengusaha untuk meningkatkan lagi keluaran serta produktiviti industri pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan ke arah menyumbang kepada memastikan bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan mampan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:  
**Unit Perhubungan Awam**  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam